

ms 7

# Racun Paraquat diharam Januari depan

➔ Penggunaan  
ancam alam  
sekitar, bahaya  
kepada kesihatan

Oleh Samadi Ahmad  
news@nstp.com.my

Putraja

Jabatan Pertanian akan menguat kuasa pengharaman penggunaan racun Paraquat dalam pertanian kerana dibuktikan sebagai ejen pencemar alam sekitar dan berbahaya kepada kesihatan pengguna bermula awal Januari tahun depan.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA), Datuk Salahuddin Ayub, berkata penggunaan racun tidak berdaftar itu bukan sahaja mengancam keselamatan makanan negara, malah turut membahayakan kesihatan dan merosakkan alam sekitar.

Beliau juga berkata penghar-

man Paraquat tidak akan memberi kesan besar dari segi kos kepada peladang dan petani di negara ini.

Katanya, walaupun Paraquat lebih murah berbanding racun alternatif yang dicadangkan kerajaan seperti glyphosate dan glufosinate-ammonium, Paraquat perlu digunakan lebih kerap berbanding racun alternatif itu.

## Terhad kepada 4 tanaman

Katanya penggunaan racun Paraquat itu pula hanya terhad kepada empat jenis tanaman iaitu kelapa sawit berumur di bawah dua tahun, getah, padi bukit dan penggunaan membunuh tunggul tanaman nanas yang dipantau mengikut Peraturan-Peraturan Racun Perosak Berbisa 1996.

"Racun makhluk perosak yang tidak didaftarkan itu dijual pada harga yang lebih murah berbanding racun berdaftar sekali gus menyebabkan petani memilih jalan mudah untuk penjimatan," katanya pada sidang media Majlis Pelancaran Kempen Kesedaran Pengharaman Paraquat di Kementerian di sini semalam.

Yang turut hadir, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) MOA, Datuk Salim Parlan dan Ketua Pengarah Pertanian, Datuk Jamal Harizan Yang Razali.

Cadangan pengharaman Paraquat diusulkan Kementerian Kesihatan pada 1985 dan Jabatan Pertanian melalui Lembaga Racun Makhluk Perosak mengambil pendekatan berhemah sejak tahun 2006 dalam menuju pengharaman racun berkenaan.

Kesan penggunaan racun berkenaan tiada antidot dan tidak mudah terurai dalam tanah serta mendatangkan kesan buruk jangka panjang seperti dermatitis, kegagalan buah pinggang, kegagalan pernafasan, kanser kulit, Parkinson, ketidaksuburan, keguguran dan kecacatan bayi.

Salahuddin berkata, racun Paraquat itu dipercayai mengandungi perawis aktif yang menyebabkan sifat membunuh kepada rumput apabila terkena pada bahagian tumbuhan dan bertindak cepat serta tahan siraman hujan walaupun dalam masa singkat selepas kerja semburan dilakukan.

FOTO AHMAD IRHAM MOHD NOOR /BHI



**Salahuddin (kiri) melancarkan Kempen Kesedaran Pengharaman Paraquat di Putraja, semalam.**

"Bagi mengatasi masalah lambakan racun makhluk perosak tidak berdaftar itu, MOA melalui Unit Serbuan Bahagian Kawalan Racun dan Baja akan melakukan